

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

---

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.3(37)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2016-2017)  
BILANGAN 6 TAHUN 2016**

**Tarikh** : 29 Jun 2016 (Rabu)  
**Masa** : 10.30 Pagi – 12.30 Tengahari  
**Tempat** : Dewan Bunga Tanjung,  
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

**Hadir** : Seperti dilampiran kehadiran

---

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Timbalan Pengarah, Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 15 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis sepanjang bulan Mei dan Jun 2016.

**3. PERUTUSAN DATUK BANDAR**

3.1 Beliau bersyukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya diberikan kesihatan untuk menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Tanpa kita sedari, sebenarnya nikmat diberi kesihatan itu merupakan nikmat yang besar yang patut dihargai.



Beliau turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Majlis, Pengarah-pengarah dan semua kakitangan Majlis di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan dan sentiasa bersama-sama melancarkan lagi urusan pentadbiran. Beliau berharap agar semua pihak terus mengekalkan dan meningkatkan kerja berpasukan dengan penuh rasa tanggungjawab, ikhlas dalam usaha menjadikan Bandar Raya Petaling Jaya sebagai **Bandar Raya Peneraju, Dinamik dan Lestari**.

### 3.2 PROGRAM BANDAR SELAMAT MBPJ DIPERKASA

Dalam mewujudkan suasana dan persekitaran yang selamat di Petaling Jaya, Majlis komited dalam melaksanakannya. Justeru, sejak tahun 2011, Majlis telah menerima pakai Panduan Pelaksanaan Rekabentuk Bandar Selamat melalui *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED). Panduan CPTED ini dirujuk semasa peringkat perancangan, reka bentuk dan pembinaan sesuatu cadangan pemajuan dan merangkumi rekabentuk pelan susun atur, pelan bangunan, pelan landskap dan pelan kejuruteraan.

Reka bentuk persekitaran fizikal terperinci secara efektif juga dapat mempengaruhi perlakuan manusia dari melakukan kesalahan serta mengurangkan perasaan takut berlakunya jenayah mahupun insiden jenayah. Ia juga dapat meningkatkan kualiti persekitaran dan juga kehidupan.

Di peringkat Majlis, antara komponen-komponen CPTED yang telah diterima pakai adalah pemasangan CCTV, penyediaan laluan pejalan kaki khusus, penyediaan rel penghadang dan tonggak jalan dan pencahayaan.

Majlis juga menjadi PBT peneraju bagi penyediaan Pemetaan GIS jenayah (GIS Crime Base Mapping) yang telah dibangunkan sejak tahun 2007. Melalui sistem pemetaan ini, rekod kejadian jenayah boleh dipetakan dan disimpan secara lebih sistematik mengikut tahun, waktu dan lokasi jenayah. Ia sekali gus dapat membantu Majlis dan PDRM dalam mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi kejadian jenayah dengan penyediaan pondok polis, menyediakan cermin keselamatan dan sebagainya.

Majlis juga telah mengenal pasti kawasan hotspot di Petaling Jaya berdasarkan data dan taburan kes-kes jenayah yang telah direkodkan oleh PDRM. Lokasi-lokasi bagi pelaksanaan Program Bandar Selamat ini akan memberi keutamaan berdasarkan kawasan-kawasan hotspot yang telah dikenalpasti.

### 3.3 PERTUKARAN LALUAN PJ CITY BUS (PJ04)

Sejak pelancaran Perkhidmatan Bas Percuma *PJ City Bus* bagi laluan PJ04 pada 18 Januari 2016 yang lalu dan berdasarkan 'Ridership' sehingga Mei 2016 purata penggunaan adalah sebanyak 1,110 orang sehari / 20,401 orang sebulan. Oleh yang demikian, Majlis telah menjalankan satu kajian semula dengan mengambilkira aspek lokaliti yang meliputi kawasan perumahan berkepadatan tinggi serta menjadi tumpuan penduduk sekitar.

Majlis pada hari ini telah meluluskan cadangan laluan yang baru yang akan memulakan laluan percubaan (*trial run*) selama 3 bulan bermula dari 1 Ogos 2016 sehingga 31 Oktober 2016. Cadangan laluan baru ini adalah dengan memendekkan laluan di sepanjang Jalan SS3/39 dan **akan melalui laluan baru** iaitu Jalan SS3/80, Jalan SS3/29, Jalan SS8/29 dan Jalan SS3/39.

Hebahan dan promosi kepada penduduk mengenai perubahan laluan ini akan diwar-warkan di dalam laman sesawang dan media sosial Majlis, *banner* di lokasi-lokasi yang strategik, pengedaran poster dan *flyers*.

Sehubungan dengan itu, sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Perancangan Pengangkutan, Jabatan Perancangan Pembangunan, Tingkat 2, Ibupejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya atau di talian 03-79563544 sambungan 353/357.

### 3.4 PROJEK MENURAP JALAN DI PETALING JAYA

Dalam melestarikan Bandar Raya Petaling Jaya, Majlis telah memperuntukkan hampir RM 30 juta bagi Projek Penurapan Semula Jalan di sekitar Petaling Jaya pada tahun ini. Sejumlah besar peruntukan ini adalah membabitkan 31 bilangan projek sepanjang tahun.

Pada masa yang sama, status pelaksanaan projek-projek ini terdiri daripada 17 projek telah siap, 13 sedang dalam pelaksanaan dan satu dalam proses penawaran semula.

Lokasi pelaksanaan projek ini terletak di sebahagian Jalan Universiti, Jalan Gasing, Persiaran Cemara & Persiaran Industri Sri Damansara, Persiaran Mahogani dan Kota Damansara. Selain itu, ia juga melibatkan sekitar kawasan SS 1, SS 3, SS 21, SS 26, Sek. 20, Sek 21, PJU 1, PJS 1, PJS 2 dan PJS 6 yang merangkumi kerja menurap semula jalan secara *mill & pave* dan juga menurap laluan masuk premis.

Majlis akan mengeluarkan Notis Pemberitahuan pelaksanaan kerja dalam tempoh 2-3 hari sebelum kerja dijalankan.

Bagi memastikan segala spesifikasi kerja dipatuhi kontraktor, Majlis akan mengadakan semakan dan ujian terhadap projek yang dijalankan. Antara lain adalah seperti mengadakan Ujian Ketebalan (Coring Test) bagi menyemak ketebalan lapisan premix yang dibuat. Penurapan semula jalan perlu dibuat sekiranya ketebalan tidak mencukupi.

Majlis juga bercadang untuk membangunkan Sistem Pengurusan Turapan bagi meningkatkan kaedah kerja-kerja penyelenggaraan jalan. Untuk itu, data diperlukan bagi membangunkan sistem ini seperti lokasi turapan jalan, panjang jalan, keadaan turapan dari segi kekuatan dan jangka hayat turapan.

### **3.5 TAHAP KESEDARAN MASYARAKAT MENGURUSKAN SISA PEPEJAL MASIH RENDAH**

Walaupun Kerajaan Pusat telah menguatkuasakan pengasingan sisa pepejal sejak 1 September tahun lalu, namun tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menguruskan sisa pepejal masih rendah dengan 17.39 peratus sahaja yang mengamalkannya.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) sebanyak 85,239 surat peringatan telah dikeluarkan daripada 367,651 premis yang diperiksa di seluruh negara. Trend angka ini tidak mustahil akan meningkat sekiranya tiada tindakan serius yang di ambil oleh pihak berwajib.

Mungkin ramai tidak sedar, jumlah penjanaan sisa di negara kita berterusan meningkat. Ianya dibuktikan dengan peningkatan sejumlah 33,000 tan sehari pada tahun 2013 berbanding 19,000 tan pada tahun 2015. Secara purata, janaan sisa pepejal bertambah secara mendadak sebanyak 6.7 peratus. Keadaan ini dibimbangi akan terus meningkat jika tiada kesedaran di kalangan masyarakat.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyasarkan Malaysia seharusnya mencapai sasaran 22 peratus kadar kitar semula menjelang 2020 sekiranya tahap kesedaran masyarakat meningkat. Ini sejajar dengan hasrat kerajaan yang mahukan amalan kitar semula, hasrat menjadikan negara maju, bersih, indah dan sejahtera dicapai.

Pelaksanaan penguatkuasaan sisa pepejal tidak tertakluk kepada penguatkuasaan sahaja, bahkan memerlukan kerjasama dan komitmen dari semua lapisan masyarakat.



Selaku PBT bandar raya peneraju, Majlis komited dalam memberi kesedaran kepada masyarakat. Melalui pelaksanaan amalan kitar semula, ianya dilihat secara langsung dapat mengekalkan persekitaran yang hijau di Petaling Jaya. Selain budaya amalan kitar semula diterapkan, Majlis juga giat secara aktif melakukan pelbagai program untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Petaling Jaya.

### 3.6 PROJEK PERINTIS BAZAR RAMADAN

Jabatan Pelesenan dengan kerjasama Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah mengadakan program Projek Perintis Bazar Ramadan Mampan 2016 di tapak bazar SS6/1, Kelana Jaya.

Melalui pelaksanaan Projek Perintis Bazar Ramadan Mampan ini, Majlis berhasrat mewujudkan bazar yang bersih dan teratur, mengelakkan kacau ganggu kepada penduduk, meningkatkan kehadiran pengunjung ke bazar Ramadan, mengurangkan kos pengurusan sampah dan pembersihan yang ditanggung oleh Majlis dan paling utama adalah untuk mengurangkan Indeks Kebersihan Petaling Jaya iaitu kurang dari 2.5.

Pada tahun 2015, Majlis telah melupuskan sebanyak 181.74 tan sampah dari 4 kawasan bazar iaitu di PJU, PJS, Seksyen dan SS yang mana jumlah petak bazar adalah sebanyak 1,339 buah. Berdasarkan jumlah sampah itu, dianggarkan purata setiap petak bazar menghasilkan 4.52 kilogram sampah setiap hari dan sebulan Ramadan adalah sebanyak 135.75 kilogram. Majlis telah menanggung kos pengurusan sampah sebanyak RM 78,932.90 di mana kos ini termasuk bayaran kontraktor (RM67,192.50) dan *tipping fee* kepada tapak pelupusan (RM11,740.00). Bagi tahun 2016, Majlis telah melantik seramai 19 kontraktor pembersihan untuk membersihkan kawasan bazar seluruh Petaling Jaya.

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat berkenaan aspek kebersihan dan penjagaan alam sekitar, pelbagai program telah dijalankan sepanjang projek perintis ini berlangsung. Projek Kitar Semula telah diperkenalkan bermula 6 Jun hingga 5 Julai 2016 dimana Majlis telah menyediakan 3 unit tong kitar semula dan 1 unit tong RORO untuk memudahkan peniaga dan pengunjung bazar melupuskan sampah yang dihasilkan. Pengasingan sampah telah melibatkan sisa kertas, plastik, aluminium dan sisa makanan.



Majlis juga telah mengadakan Pertandingan Mengumpul Minyak Masak Terpakai Untuk Peniaga Bazar Kelana Jaya pada 6 hingga 19 Jun 2016 dengan harga 80 sen setiap kilogram. Pertandingan ini dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran peniaga berkenaan kesan pembuangan minyak masak terpakai secara haram ke atas alam sekitar. Seramai 3 orang peniaga bazar telah diumumkan sebagai pemenang pada 20 Jun 2016 yang lalu.

Majlis juga melancarkan Kempen Bawa Bekas Makanan Sendiri ke Bazar Ramadan dimana setiap pengunjung yang membawa bekas sendiri layak untuk mendapat cabutan bertuah. Kempen ini telah diadakan bermula 6 hingga 19 Jun 2016.

### 3.7 **PEMILIK-PEMILIK HARTA DIMINTA UNTUK MENGEMASKINI REKOD HARTA CUKAI TAKSIRAN**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sedang di dalam proses bagi mengemaskini rekod pemilikan harta di seluruh kawasan pentadbiran Majlis. Didapati kebanyakan pemilik yang masih gagal mengemaskini rekod pemilikan harta mereka adalah bagi harta-harta di kawasan Petaling Jaya Utara (PJU) yang kebanyakannya merupakan harta jenis kediaman bertingkat seperti kondominium, apartmen dan flat.

Sehubungan dengan itu, pemilik-pemilik harta di Petaling Jaya adalah diminta untuk mengemaskini rekod pemilikan harta masing-masing melalui Borang I sekiranya terdapat sebarang pindahmilik harta yang belum ditukarkan nama pemilik baru di dalam bil cukai taksiran atau bagi mana-mana akaun harta yang nama pemilik di dalam bil cukai taksiran mereka masih lagi di atas nama "**PEMILIK**". Ini perlu dilakukan berdasarkan kepada peruntukan di bawah Seksyen 160(1), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang mana menerangkan bahawa apabila sesuatu pegangan berkadar di dalam kawasan pentadbiran Majlis dijual atau dipindahmilik, maka adalah menjadi tanggungjawab penjual dan pembeli harta tersebut untuk memberikan notis mengenai pindahmilik itu di dalam Borang I yang disediakan dalam tempoh 3 bulan selepas proses pindah milik selesai.

Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab pembeli dan penjual untuk memaklumkan kepada Majlis berhubung pindahmilik dan pertukaran nama tersebut. Untuk tujuan ini, pemilik harta hanya perlu melayari laman web MBPJ di alamat [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) dan memuat turun Borang I melalui laman tersebut atau pemilik harta juga boleh datang terus ke kaunter Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta di Tingkat 11, Menara MBPJ atau ke Pejabat Cawangan MBPJ di Kota Damansara.



Kegagalan pemilik harta berbuat demikian boleh mengakibatkan mereka didakwa berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 160 (6), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang mana seksyen ini menerangkan bahawa setiap individu yang gagal memberikan notis atau makluman kepada Majlis berhubung perubahan pemilikan harta mereka apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit (RM 2,000.00) atau penjara tidak lebih daripada tempoh enam (6) bulan atau kedua-duanya. Oleh yang demikian, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mana-mana individu yang ingkar terhadap peruntukan seksyen ini.

### 3.8 OPERASI PENGUATKUASAAN

#### 3.8.1 Operasi Bersepadu Jabatan Penguatkuasaan bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)

Majlis telah menjalankan satu operasi bersepadu bersama-sama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pada **2 Jun 2016** di pusat hiburan serta pusat snuker sekitar Petaling Jaya. Hasil daripada operasi bersepadu tersebut, sebanyak **18 orang warga tempatan** telah berjaya ditahan untuk siasatan lanjut kerana disyaki **positif dadah**.

#### 3.8.2 Operasi Bersepadu Khas Ramadan 2016 Negeri Selangor

Majlis telah menjalankan satu operasi bersepadu bagi membanteras isu pemerdagangan manusia bersama-sama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor dan agensi-agensi yang berkaitan pada **25 Jun 2016** di kawasan-kawasan hotspot sekitar Petaling Jaya. Hasil daripada operasi bersepadu tersebut, seramai **77 orang warga tempatan** dan **asing** telah berjaya ditahan dan diselamatkan.

### 3.9 PENYEDIAAN BUBUR LAMBUK BAGI PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA MBPJ

Pada 29 Jun 2016 (Rabu), seramai 70 orang kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dari pelbagai Jabatan dan Unit telah bergotong-royong seawal jam 8.00 pagi untuk menyediakan bubur lambuk bagi Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang akan diadakan pada pukul 3.00 petang di Dewan Banquet (Dewan Sivik), Petaling Jaya. Majlis juga telah menjemput wakil dari Masjid Kampung Baru, Kuala Lumpur sebagai ketua chef untuk mengetuai masakan.

Penyediaan bubur lambuk untuk diagihkan kepada seluruh warga kerja ini merupakan acara tahunan Majlis Bandaraya Petaling Jaya sejak dari tahun 2006 sehingga kini. Pemberian ini selaras dengan sambutan bulan Ramadan yang mulia dan sambutan Hari Raya yang bakal menjelang tiba. Pemberian ini, juga dapat mengeratkan silaturahmi di antara kakitangan dengan pengurusan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Hari ini merupakan hari ke-24 Ramadan. Dengan itu, beliau mengucapkan selamat meneruskan ibadah puasa dengan azam dan tekad untuk menjadikannya yang terbaik. Diharap semua muslimin dan muslimat khususnya warga MBPJ dapat meningkatkan lagi amalan pada malam-malam terakhir Ramadan.

Beliau mewakili seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua. Bagi mereka yang akan pulang ke kampung, dinasihatkan agar berhati-hati di jalan raya dan pandulah secara berhemah dan selamat kembali bertugas.

#### **4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-**

##### **4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 6 TAHUN 2016 (PENGGAL 2016/2017)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 5 Tahun 2016 bertarikh 25 Mei 2016 telah diluluskan tanpa pindaan.





5. **LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 5 TAHUN 2016 YANG TELAH DIADAKAN PADA 25 MEI 2016.**

| RUJUKAN MINIT | PERKARA  | TINDAKAN YANG DIAMBIL   |
|---------------|--|---|
| 3.0           | <p><b>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 12 APRIL 2016.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hasil mesyuarat bersama pihak JPS, Kumpulan Semesta, Pejabat Tanah &amp; Daerah Petaling, pemaju dan Ahli Majlis Kawasan akan diadakan pada 30 Mei 2016 bagi membincangkan berkenaan aktiviti korek pasir.</li> </ul> | <p>Kerja-kerja pengorekan pasir di Sungai Kayu Ara berhampiran Lebuhraya Bandar Utama bukan dilaksanakan oleh Kumpulan Semesta (permit 2009-2011), tetapi oleh kontraktor yang dilantik JPS Daerah Petaling iaitu Syarikat Ambient Sdn Bhd (Jun 2015) atas permohonan daripada YB. Puan Yeo Bee Yin DUN Damansara Utama. Tujuan pengorekan dilakukan adalah untuk melancarkan aliran dasar air sungai di kawasan tersebut. Permit kebenaran pengorekan pasir (Permit Tanah Beban) adalah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah Petaling. Pihak JPS Daerah Petaling sedang dalam tindakan siasatan penuh bagi tujuan cadangan pembaikan tebing berhampiran dengan rezab jalan Lebuhraya Bandar Utama.</p> <p>Mesyuarat turut memutuskan agar Jabatan Kejuruteraan membuat 'follow up' dengan JPS berkaitan isu tersebut.</p> |



| RUJUKAN<br>MINIT | PERKARA   | TINDAKAN YANG DIAMBIL   |
|------------------|---|---|
| 3.0              | <p><b>UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ERMEEMARIANA SAADON PUAN BINTI</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jabatan Kejuruteraan sedang mengumpulkan maklumat bagi perbincangan bersama pihak TNB berkaitan isu struktur binaan longkang dan tarikh mesyuarat pada 23 Mei 2016 telah ditunda.</li> <li>- Majlis perlu ada kerjasama dengan agensi lain seperti Syabas dan TNB untuk mendapatkan peta aktiviti. Selain daripada itu, Tuan Haji Ghazali turut mencadangkan agar perkara ini dimasukkan di dalam syarat bagi utiliti baru memandangkan kesukaran majlis untuk mendapatkan peta lengkap setiap aktiviti.</li> </ul> | <p>Lokasi sebenar penyelesaian masalah banjir adalah di Jalan 2/27, Seksyen 2 disebabkan kabel TNB. Mesyuarat berkaitan perkara tersebut telah ditetapkan semula pada 23 Jun 2016 bersama pihak TNB, ADUN, dan Ahli Majlis.</p> <p>Pada masa ini Jabatan Kejuruteraan dalam proses mengumpul aset dan laluan daripada setiap utiliti. Buat masa sekarang pihak Jabatan telah menerima pelan laluan daripada pihak Gas Malaysia. Data yang dikemukakan adalah dalam bentuk pelan laluan utiliti (hardcopy).</p> <p>Bagi masa hadapan pihak Jabatan akan mengadakan perbincangan dengan pihak Teknologi Maklumat bagi menyusun data dan maklumat dalam bentuk lebih sistematik untuk memudahkan rujukan dibuat.</p> |

| RUJUKAN<br>MINIT | PERKARA   | TINDAKAN YANG DIAMBIL  |
|------------------|---|--|
| 6.4              | <p><b>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tuan Pengerusi ingin tahu berapa baki jalan yang masih belum diambilalih memandangkan perkara ini telah lapan tahun dibincangkan dan masih belum selesai.</li> <li>- Encik Terence Tan Teck Seng ingin tahu sama ada kemajuan kerja Projek Jalan Sehalah boleh disiapkan tepat pada masanya iaitu <b>31 Ogos 2016</b>.</li> <li>- Encik Terence Tan Teck Seng meminta agar laporan ujian seperti 'Compression Test', 'Cube Test' dikemukakan kepada semua Ahli Majlis yang menganggotai Jawatankuasa Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas.</li> <li>- Memohon jadual mengambil alih lampu isyarat yang belum disenaraikan.</li> </ul> | <p>Sepanjang tahun 2016 (sehingga 31 Mei 2016) sepanjang 2.648 km jalan telah diambil alih. Manakala dalam proses ialah sepanjang 16.981 km. Setakat ini telah dikenalpasti sepanjang 130.982 km panjang jalan yang didapati tiada dalam data sistem MARRIS.</p> <p>Kerja tersebut boleh disiapkan pada 31 Ogos 2016 dengan syarat kerja-kerja pihak ketiga melibatkan syarikat utiliti menyiapkan kerja mereka khususnya di Jalan Timur.</p> <p>Laporan ujian kiub dan 'rebond hammer test' telah dihantar kepada semua Ahli Majlis pada 26 Mei 2016.</p> <p>Jadual pengambilalihan lampu isyarat yang belum diambilalih telah dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur pada 13 Jun 2016.</p> |



| RUJUKAN MINIT | PERKARA  | TINDAKAN YANG DIAMBIL  |
|---------------|--|--|
| 6.4.5         | <p>- Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan ingatan dari Encik Suriase a/ Gengiah bagi perkara 7.2.1 v) agar laporan RSA dikemukakan pada hujung bulan Mei 2016.</p>   | <p>i. Laporan kesan lalulintas bagi pembinaan jalan susur keluar ke PJU 10/10G telah siap dan pihak Jabatan telah pun melantik syarikat Jurutera Perunding Pintar untuk menjalankan audit keselamatan jalan raya bagi cadangan reka bentuk jalan yang akan dibina kelak.</p> <p>ii. Pelantikan perunding untuk reka bentuk jalan masih lagi dalam proses dan pihak Jabatan juga masih dalam perbincangan dengan pihak MRT kerana jajaran tersebut ada kaitan dengan pembinaan stesen MRT di Damansara Damai.</p> |
| 7.1.1         | <p><b>UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ</b><br/> <u>Kajian Saluran Longkang</u></p> <p>Beliau berharap agar kajian dan pemantauan ke atas keseluruhan saluran longkang dibuat bagi mengelakkan banjir kilat sebagaimana di DBKL. Punca-punca air yang mengalir di longkang-longkang kecil perlulah dikaji semula sama ada longkang tersebut boleh menampung aliran air yang meningkat semasa hujan.</p> | <p>Sejak tahun 2007 sehingga 2016 sebanyak 51 projek banjir telah dilaksanakan. Pecahan sebanyak 44 telah siap dan 7 sedang berjalan. Pelbagai cabaran dan halangan tempoh antaranya :</p> <p>a) Rezab PHL diceroboh oleh pemilik- pemilik premis.</p> <p>b) Tiada akses yang cukup untuk masuk rezab,</p> <p>c) Halangan utiliti (paip/ kabel)</p>  |

| RUJUKAN<br>MINIT | PERKARA  | TINDAKAN YANG DIAMBIL  |
|------------------|--|--|
|                  |  | <p>d) Bantahan daripada penduduk premis haram di atas rezab longkang (contoh: SS2, Restoran Raju).</p> <p>Encik Derek John Fernandez menekankan agar Majlis membuat persediaan awal bagi mengelakkan banjir dengan melakukan kerja-kerja pembersihan longkang.</p>             |
| 7.3.1            | <p><b>UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK SHATIRI BIN MANSOR</b><br/><u>Tasik Cova</u></p> <p>Beliau memaklumkan bahawa perkara ini pernah dibangkitkan oleh TV3 dan sekali lagi dibangkitkan di dalam surat khabar The Star berkaitan isu keselamatan. Menurut beliau hujan lebat telah menghakis tebing dan mengakibatkan longkang-longkang pecah di kawasan tersebut. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar Majlis dapat mengambil tindakan ke atas isu ini sebelum terjadi perkara yang tidak diingini.</p> | <p>Tetuan Purple Star telah diminta membaiki longkang-longkang yang pecah berhampiran pintu masuk pembangunan mereka.</p> <p>Encik Shatiri bin Mansor meminta agar Pengarah Jabatan Kejuruteraan meminta jadual pembaiki longkang daripada pemaju untuk tujuan pemantauan.</p> |

6. **MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS**

6.1 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 9 JUN 2016, 14 JUN 2016 DAN 27 JUN 2016.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (183)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (186)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (187)

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**

6.2 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 30 MEI 2016, 10 JUN 2016 DAN 21 JUN 2016.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (53)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (55)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (57)

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.**

6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 13 JUN 2016.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (76)]

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ**

6.3.2 Mesyuarat juga mengambil maklum pertanyaan Encik Oon Chong Ling berkaitan lesen untuk `food truck`.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ**



**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 13 JUN 2016.**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (54)]**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

6.4.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan:-

- a) Encik Derek John Fernandez yang telah mengisytiharkan kepentingan semasa perkara 4.3.4 di muka surat 22 iaitu Persatuan Penduduk Seksyen 5/10 dibincangkan memandangkan beliau salah seorang penduduk kawasan tersebut.
- b) Setelah Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan mengeluarkan surat penolakan, Pengarah Jabatan Kejuruteraan akan mengeluarkan surat untuk merobohkan struktur binaan dan penduduk diberi tempoh selama tujuh (7) hari untuk tindakan selanjutnya.

**Tindakan : Makluman.**

**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 14 JUN 2016.**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (12)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 15 JUN 2016.**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (94)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan ayat yang tidak dimintakan bagi perkara 7.1:-



## 7.1 Sungai Kayu Ara

Encik Tang Fui Koh bertanyakan semula berkaitan mesyuarat bersama JPS yang membincangkan isu sewaan dan tanaman pokok di kawasan Sg. Kayu Ara bagi mengelakkan pembuangan sampah haram di kawasan tersebut.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ, Pengarah Jabatan Landskap, MBPJ.**

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.**

## 6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 16 JUN 2016. [RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 2 (122)]

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

6.7.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan persoalan yang dibangkitkan oleh Encik Suriase berkaitan bekalan Baju Korporat kepada Pembantu Majlis menggunakan peruntukan Ahli Majlis sebanyak sehelai seorang.

## 6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 17 JUN 2016. [RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (59)]

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi:-

perkara 3.0 para 3.0 (6.6) seperti berikut:-

Jabatan Penguatkuasa telah mengeluarkan surat kepada pihak PTD Petaling, Kumpulan SEMESTA Sdn Bhd, PTG Negeri Selangor dan KTM bagi memaklumkan aduan di Persiaran Dagang pada 6 Jun 2016.





Perkara 4.9 di muka surat 66 iaitu tambahan kepada perkara 4.9.2 iaitu:-

4.9.2 Encik Derek John Fernandez telah mengisytiharkan kepentingan semasa keputusan terhadap perkara ini dibuat.

Perkara 4.9.2 ditukar kepada 4.9.3

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

6.8.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara 4.10.2 di muka surat 67 di mana Encik Halimey bin Abu Bakar memohon maklumbalas berkaitan isu penyerahan kawasan lapang di PJS 6 dan PJS 8 oleh PKNS memandangkan perkara ini telah terlalu lama dan masih belum dapat diselesaikan.

6.8.3 Encik Derek John Fernandez mencadangkan agar PKNS membuat surat memaklumkan bahawa perkara tersebut akan dilihat semula selepas perayaan hari raya dan salinan kepada Encik Halimey bin Abu Bakar bagi tujuan makluman kepada penduduk.

**Tindakan : Pengarah, Unit COB, MBPJ.**

6.9 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA BANTAHAN NILAIAN HARTA BERTARIKH 20 JUN 2016.**  
**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (43)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.**

6.10 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 21 JUN 2016.**  
**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (69)]**

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**



## 7. UCAPAN PENANGGUHAN

### 7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ

#### 7.1.1 Iklan Haram di MBPJ

Beliau membangkitkan isu iklan haram di kawasan Petaling Jaya yang semakin berleluasa dan didirikan tanpa mengira tempat sehingga di jalan-jalan protokol dan kawasan-kawasan pendalaman. Bahkan di Kediaman Rasmi Datuk Bandar, mereka berani memasang/menggantung iklan-iklan haram tersebut.

Bagi mengelakkan isu ini bertambah teruk, beliau berharap agar Majlis mengkaji semula SOP penurunan iklan haram. Beliau turut membangkitkan bahawa sebelum ini diluluskan satu dasar di mana bayaran dibuat kepada RA dan RT berdaftar yang dapat menurunkan iklan haram terutama di kawasan pendalaman.

Selain daripada itu, beliau turut mencadangkan agar undang-undang di mahkamah haruslah lebih efektif bagi membanteras lambakan iklan haram di kawasan Petaling Jaya.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.**

#### 7.1.2 Ucapan Selamat Hari Raya

Beliau mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua yang menyambutnya dan turut menawarkan perkhidmatan untuk memantau zon lain sekiranya Ahli Majlis terlibat balik ke kampung.

**Tindakan : Semua Ahli Mesyuarat,  
Semua Ahli Majlis, MBPJ.**

### 7.2 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK SHATIRI BIN MANSOR

#### 7.2.1 Penyediaan Bajet 2017

Beliau membangkitkan bahawa kajian perlu dibuat semasa penyediaan bajet 2017 memandangkan semenjak akhir-akhir ini penglibatan RA, RT, NGO dan surau-surat semakin meningkat.



Segala jenis aktiviti kerjasama yang dijalankan melibatkan kos. Sehubungan dengan itu kajian perlu dibuat bagi penambahan peruntukan ke atas aktiviti sosial yang melibatkan persatuan penduduk.

**Tindakan : Semua Ketua Jabatan, MBPJ.**

#### 7.2.2 Penurapan jalan

Berliau berharap agar ada peruntukan untuk penurapan jalan-jalan terutama yang melibatkan kawasan yang dipohon oleh RA dan RT seperti di Zon 3 di Taman Selasih, Kawasan Perumahan 1 ½ tingkat Seksyen 7, Polo Residence, D'villa Residence dan Kawasan Perumahan D'rimba.


**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

#### 7.2.3 Ucapan Selamat Hari Raya

Akhir sekali beliau mewakili penduduk Zon 3 mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua warga kerja MBPJ.

**Tindakan : Makluman.**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.40 tengahari. Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan warga kerja Majlis. Semangat kerjasama yang diterapkan akan membuahkan kejayaan. Akhir sekali beliau sekali lagi mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri dan berhati-hati lah memandu semasa balik ke kampung. Keselamatan adalah keutamaan.

  
(JOHARY BIN ANUAR) AMS  
Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 14 Julai 2016

## LAMPIRAN KEHADIRAN

### HADIR:

01. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain,  
Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Johary bin Anuar,  
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Tuan Ir. Lee Suet Sen,  
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,  
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Azri bin Mohamad Arish,  
Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Oon Chong Ling,  
Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Ang Ming Ern,  
Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Azizi bin Ariffin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Tang Fui Koh,  
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Suriase a/l Gengiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Halimey bin Abu Bakar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,  
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Shatiri bin Mansor,  
Ahli Majlis, MBPJ.



15. Encik Ong Swee Long,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Puan Wong Yuet Leng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Cik Jamaliah binti Jamaluddin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,  
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Wong Swee Sang,  
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Terence Tan Teck Seng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Puan Ghandimathi a/p Suppiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Puan Ermeemarianna binti Saadon,  
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Encik Derek John Fernandez,  
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
25. Encik Lee Song Yee,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**TIDAK HADIR:**

01. Puan Sia Siew Chin, (*dengan maaf*)  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

01. Tuan Haji Ahmat Mohayen bin Haji Said,  
Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.



03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,  
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Tuan Dr. Abdul Ghalib bin Sulaiman,  
Wakil Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan  
Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,  
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Puan Mahzura binti Mohd Amin,  
Wakil Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Ruzaida binti Tormodi,  
Wakil Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Encik Ahmad Iskandar bin Mohamad Mukhtar,  
Wakil Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
15. Puan Hajah Norlida binti Md. Isa,  
Pengarah, Unit Audit Dalam dan Integriti, MBPJ.
16. Cik Nor Shabani binti Johari,  
Pengarah, Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Puan Hairulliza binti Abdul Rahman,  
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.



18. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,  
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
19. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,  
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),  
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd Masri,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),  
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

**TURUT HADIR:**

01. Encik Zuhaidi bin Malik,  
Wakil ADUN Kota Damansara.

**URUSETIA:**

02. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Puan Sunita binti Saad,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
04. Encik Mohd Sakri bin Md Zin,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

